


# UMS lancar skim kajian khas selesai Covid-19

DE 5.8.2020 3

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin (**gambar**), berkata UMS telah melancarkan skim kajian khas dipanggil Geran Pemulihan



Impak Covid-19 (GPIC19-UMS)

“Geran ini menumpu pada projek penyelidikan dan inovasi yang dapat menyumbang kepada penyelesaian isu Covid-19, sama ada dalam bentuk memberi cadangan dan maklumat kepada penggubal dasar, atau menawarkan teknologi sebagai satu penyelesaian,” katanya dalam kenyataan, di sini, Selasa.

Beliau berkata, sebagai universiti awam terbesar di Sabah, ia adalah tanggungjawab UMS untuk memberi tumpuan kepada isu-isu tempatan.

“Pada minggu-minggu awal krisis Covid-19, pasukan penyelidikan UMS turun padang dan berhubung dengan pelbagai pemegang kepentingan untuk mengenal pasti isu-isu penting, dan sebagai hasil tinjauan itu, GPIC19-UMS dimulakan untuk membantu menangani beberapa isu penting dalam beberapa sektor penting,” katanya.

Menurut Taufiq, sehingga 15 Julai, UMS meluluskan sejumlah 125 projek penyelidikan dan 36 projek inovasi di bawah skim GPIC19-UMS dengan dana

berjumlah RM7.6 juta.

Projek memabatkan pendekatan pelbagai disiplin termasuk; bidang kesihatan dan perubatan – 47 projek dengan dana RM2.7 juta, pertanian – 15 projek dengan dana RM745,000, pendidikan – 18 projek dengan dana RM460,000, bidang kebajikan sosial manusia – 41 projek dengan dana RM1.3 juta.

Ia juga termasuk ekonomi dan pelancongan – 16 projek dengan dana RM495,000 serta asasi sains dan alam sekitar – 23 projek dengan dana RM1.9 juta.

Beliau selanjutnya menjelaskan bahawa, untuk memudahkan pelaksanaan GPIC19-UMS, terdapat empat kluster utama, masing-masing diketuai seorang penyelaras.

“Setiap kluster menumpu pada satu isu khusus, dan semua projek serupa dan berkaitan akan diletakkan di bawah kluster sama.

“Ini bukan saja meningkatkan kecekapan dari segi pengurusan dan pementauan tetapi juga dapat mewujudkan sinergi dan kerjasama pintar dalam sumber kewangan dan tenaga,” katanya.

Empat kluster itu ialah:

● Kluster InnoForCovid diketuai oleh Profesor Madya Dr Jidon Janaun. Ia menumpu pada isu-isu yang memerlukan penyelesaian inovatif dalam bentuk peralatan dan teknologi mekanikal, khususnya berkaitan perubatan, kesihatan, perniagaan, serta industri dan kesejahteraan masyarakat.

● Kluster AgriSolutions diketuai oleh Dr Yasmin Ooi, yang juga ahli Majlis Penasihat Pertanian Negara. Ia menumpu pada isu-isu pertanian “dari ladang ke pinggan”, yang termasuk masalah-masalah berkaitan penanaman, pemprosesan dan pemasaran.

● Kluster DigiForCovid yang diketuai oleh Profesor Madya Dr Syed Nasirin Syed Zainol Abidin menumpu pada isu-isu yang memerlukan penyelesaian dalam bentuk teknologi dan maklumat digital.

● Kluster BioTechTeam yang diketuai oleh Dr Zarina Amin dan Prof Dr Lee Ping Chin menumpu pada isu-isu asas yang berkaitan secara khusus dengan bidang genom, virologi, mikrobiologi, pengujian dan pembangunan vaksin Covid-19.

GPIC19-UMS memabatkan kira-kira 300 penyelidik dari 10 fakulti dan empat institut di UMS yang juga melibatkan kerjasama daripada 10 agensi kerajaan persekutuan dan negeri, 11 agensi swasta dan perindustrian serta 18 komuniti di seluruh Sabah.

“Projek-projek terbabit dilaksanakan dalam pelbagai bentuk termasuk penyelidikan dan aplikasi asas, pemindahan pengetahuan, intervensi teknologi dan inovasi akar umbi.

“Output semua kajian dihubungkan secara langsung dengan pemegang kepentingan di lapangan, sama pembuat keputusan, industri atau komuniti,” kata Taufiq.